

PERISTIWA PERAJURIT NEGARA TERKORBAN DI GUBIR KEDAH

Tarikh Peristiwa: 26.4.1976

Pada hari ini dalam tahun 1976, Operasi 'KOTA' mencatat sejarah hitam apabila sebuah helikopter Nuri Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) yang membawa 11 Pegawai dan anggota pasukan keselamatan jatuh ditembak akibat angkara pengganas komunis pada lebih kurang pukul 10.00 hingga 10.30 pagi di Hutan Simpan Ulu Muda, Gubir, Kedah. Helikopter tersebut dalam perjalanan ke pos-pos tentera di perbatasan Malaysia-Thailand terbakar dan mengorbankan kesemua pegawai dan anggota termasuk juruterbang.

Perajurit-perajurit yang terkorban ialah

1. Major Haris Rejab,
2. Kapt (Udara) Mustaffa Kamal Md Shaffie,
3. Kapt (Udara) Choo Yeok Boo,
4. Kapt Sulaiman bin Abdullah,
5. Leftenan Ibrahim bin Zakaria,
6. Leftenan (Udara) Wan Munsiff Wan Salim,
7. Leftenan (Udara) Chung Ming Teck,
8. Sarjan (Udara) Leong Yee Heong,
9. Sarjan Khamis bin Dolmat,
10. Koporal Kamarulzaman Zakaria dan
11. L/Kpl Suandi bin Saim.

Kesemua mereka yang terkorban telah selamat dikebumikan dengan penuh kehormatan ketenteraan di kampung masing-masing.



Sekiranya padang ini boleh berkata-kata...banyak cerita yang akan terungkap!

Kesan daripada operasi tersebut, pasukan keselamatan telah berjaya menyekat kemasukan secara besar-besaran unit pengempur pengganas komunis ke Semenanjung Malaysia. Selain dari itu pasukan keselamatan juga telah berjaya memusnahkan beberapa kem besar dan tempat simpanan makanan pengganas komunis di perbatasan. Dalam operasi tersebut, seramai 22 orang pengganas komunis telah dibunuh, lima ditawan dan seramai 17 orang menyerah diri. Sesungguhnya pengorbanan perajurit-perajurit yang gugur mempertahankan negara bukan sahaja dirasai oleh ibu-bapa dan keluarga tetapi ia juga dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia. Keberanian dan pengorbanan merekalah yang membolehkan kita semua hidup aman damai dan harmoni seperti hari ini.

Sehubungan itu, di sini iaitu alamat pautan ke Youtube di mana terdapat video “Hari Ini Dalam Sejarah” yang diperolehi dengan ehsan Arkib Negara.

<http://www.youtube.com/watch?v=XtSbpdafB6M>

NOR IBRAHIM BIN SULAIMAN